



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**16 November 2024  
14 Jumadilawal 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• 30,000 nelayan kecil terjejas
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Wilayahku [Online]	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			

Bot pukat tunda ceroboh zon, musnahkan tukun

# 30,000 nelayan kecil terjejas

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kira-kira 30,000 nelayan kecil terus berdepan isu pencerobohan bot pukat tunda di zon yang digazetkan kepada kumpulan itu sehingga menjejaskan sumber perikanan di kawasan berkenaan.

Penceroboh bot pukat tunda itu bukan sahaja mengaut hasil laut di zon perikanan nelayan tradisional (Zon A) hingga menjejaskan pendapatan nelayan, malah mereka meninggalkan pukat sekali gus memusnahkan injam dan tukun dibina nelayan kecil.

Tukun ialah struktur binaan manusia yang diletakkan di dasar laut bertujuan menambah keupayaan sumber marin, manakala injam merupakan struktur ba-

han semula jadi seperti daun kelapa yang diikat dan diapungkan di permukaan air laut bertujuan mengumpulkan ikan bagi penangkapan.

Timbalan Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Mohd. Faizal Mohd. Zabri berkata, kegiatan berkenaan telah mengurangkan hasil tangkapan secara drastik, menyebabkan kawasan yang dahulunya banyak ikan, kini seolah-olah tiada hidupan.

"Pukat tunda digunakan nelayan zon lain tersangkut dan ditinggalkan di kawasan tukun dan unjam nelayan kecil sering kali menjerat ikan-ikan.

"Ia bukan sahaja merugikan sumber laut, malah ikan yang mati terbiar di kawasan tukun dan unjam itu membusuk dan

menjadi penghalang untuk ikan lain datang membiak ke kawasan tersebut," katanya di sini, semalam.

Mohd. Faizal berkata, keadaan itu merugikan pendapatan nelayan sehingga mencecah jutaan ringgit kerana sumber hasil perikanan di kawasan zon mereka semakin berkurangan.

Malah, katanya, nelayan terpaksa membersihkan pula 'pukat-pukat hantu' yang ditinggalkan.

Malah kerja-kerja pembersihan, membabitkan kos tinggi untuk membayar perkhidmatan penyelam sehingga mencecah RM50,000 yang terpaksa ditanggung Jabatan Perikanan.

"Kos kerugian semakin banyak, ratusan ribu hasil perikanan juga sudah habis kerana hampir 80 peratus ikan tak masuk kawasan itu," katanya.

Dalam hal ini, beliau meminta agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Perikanan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Polis Marin melaksanakan penguatkuasaan lebih tegas dan kerap.

Mengikut Pekeliling 2014, pengusaha vesel pukat tunda yang penceroboh kawasan perairan nelayan tradisional (Zon A) boleh dikenakan hukuman berat dengan menggantung lesen sehingga setahun dan lesen tidak boleh dipindah milik selama lima tahun serta kompaun sehingga RM12,000.

Bagaimanapun, katanya, tindakan penguatkuasaan dilihat lemah apabila penceroboh seolah-olah 'dilepaskan semula' apabila mereka kembali beroperasi tidak mengikut tempoh hukuman sebenar walaupun ditahan.